

(4 April 2021) Sinar Ahad, p. 14

Perak catat kes harian tertinggi

Sebanyak 494 kes dilaporkan diikuti Selangor iaitu 352 kes dan Sarawak dengan 290 kes

KUALA LUMPUR

Sebanyak 1,638 kes baharu Covid-19 dan tiga kematian direkodkan pada Sabtu, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, 1,449 kes sembuh turut dicatatkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih daripada Covid-19 di negara ini sebanyak 333,892 manakala keseluruhan angka ke-

matian mencecah 1,286 orang selain jumlah kes aktif kini ialah 14,432.

"Daripada jumlah kes baharu hari ini (Sabtu), 1,631 merupakan kes penularan tempatan sementara tujuh lagi adalah kes import," katanya menerusi akaun rasmi beliau di laman Twitter.

Beliau berkata, 167 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 81 individu memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan Perak mencatat kes harian tertinggi iaitu 494 kes diikuti Selangor (352 kes) dan Sarawak dengan 290 kes.



DR NOOR HISHAM

Sementara itu, tujuh kluster baharu dikesan membatikan empat kluster komuniti iaitu Kluster Kampung Binyu di Sarawak; Jalan Merdeka di Johor; Simpang Tiga Merotai di Sabah dan Jalan Kenanga di Melaka.

Tiga kluster tempat kerja turut dilaporkan iaitu Kluster Jalan Bandar Sembilan, Negeri Sembilan; Kluster Teknologi Peramu Jaya, Pahang dan Kluster Jalan Kubota Sentral di Sabah.

Dr Noor Hisham berkata, 1,038 kluster tamat setakat ini termasuk 13 kluster pada hari ini (Sabtu). - Bernama

Kebeharuan rentas negeri penerima dua dos vaksin belum diputuskan

KUANTAN - Kebeharuan merentas negeri kepada penerima dua suntikan dos vaksin Covid-19 masih belum diputuskan kerajaan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, segala keputusan mengenai perkara itu bergantung kepada nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang melakukan kajian terhadap kebolehhajjangan setiap dua minggu.



"Kalau KKM kata keadaan sudah stabil dan

boleh rentas negeri, kebenaran akan diberikan. Kalau boleh buat sementara waktu ini bersabar dahulu.

"Cadangan yang membenarkan penerima dua suntikan vaksin boleh rentas negeri itu kita belum memutuskan dan ia akan dibincang dalam masa seminggu lagi," katanya.

Pada 27 Mac lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan akan meneliti kebenaran rentas negeri sempena Aidilfitri nanti.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	349,610	PULIH:	333,892	ICU:	167	KEMATIAN:	1,286	KES BAHARU	+1,638	SUDAH DIVAKSIN	770,653
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-------	------------	--------	----------------	---------

